

**MAJLIS PELANCARAN TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA) SEKOLAH  
MENENGAH KPM DAN MAJLIS BERBUKA PUASA KERAJAAN NEGERI  
KEDAH BERSAMA-SAMA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI  
10/07/2014**

**SMKA KEDAH, MERGONG, KEDAH**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun bersama-sama dalam bulan barakah ini di Majlis Pelancaran Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia mulai 2014 dan Majlis Berbuka Puasa bersama-sama Kerajaan Negeri Kedah
2. Bersempena dengan majlis ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah, khususnya kepada YAB Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Mahathir Menteri Besar Kedah yang sudi menjadi tuan rumah dan memberikan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan majlis pada petang ini.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengetua SMKA Kedah yang telah memberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama kita berhimpun di sini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada YB Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh yang banyak memberi pandangan dan bimbingan bagi pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah KPM.

Para hadirin yang saya hormati.

4. Firman Allah dalam Surah Al-Maidah ayat 100:

تَقْلِحُونَ لَعَلَّكُمْ آلُ الْآلِبَابِ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ فَاتَّقُوا اللَّهَ فَإِنَّكُمْ أَكْثَرُ الْعَجَبِ وَلَوْ وَالطَّيِّبُ الْخَبِيثُ يَسْتَوِي لَا قُل

Katakanlah Wahai Muhammad: Tidak sama yang buruk dengan yang baik walaupun jumlah yang buruk itu telah mengagumkan engkau. Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah wahai Ulul Albab supaya kamu berjaya.

5. Perkataan Ulul Albab disebut di dalam Al-Quran sebanyak 16 kali. Ahli Tafsir sepakat menyatakan bahawa perkataan Ulul Albab merujuk golongan yang memiliki akal dan kefahaman yang matang sehingga mampu membuat penilaian yang tepat dan seimbang antara dunia dengan akhirat.

6. Keseimbangan ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

7. Matlamat menuntut ilmu bukanlah sekadar untuk mendapatkan sijil atau ijazah semata-mata, akan tetapi untuk difahami, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan. Sehubungan dengan itu, langkah segera dan lebih proaktif perlu diambil untuk memberi penekanan kepada pendidikan agama kerana mampu membawa impak yang lebih besar kepada pembangunan modal insan.

8. Oleh itu, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah menyatakan bahawa KPM komited menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dalam pasaran kerja berasaskan nilai Islam yang kukuh.

9. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam usaha merealisasikan pelaksanaan tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah KPM. Saya juga dimaklumkan bahawa pasukan Task-Force Tahfiz Model Ulul Albab yang diterajui oleh Bahagian Pendidikan Islam dan disertai oleh bahagian-bahagian KPM sangat komited membangunkan Tahfiz Model Ulul Albab. Syabas dan tahniah juga kepada kumpulan pelaksana, iaitu para pentadbir dan guru sekolah terlibat yang sanggup menerima perubahan dan cabaran bagi memastikan pelaksanaan di sekolah berjalan dengan baik.

10. Bukan mudah untuk membina insan yang cemerlang yang sekali gus melahirkan ummah yang terbilang. Hal sedemikian memerlukan perancangan yang rapi dan usaha yang gigih, berterusan dan tidak pernah jemu.

11. Peringatan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang bermaksud:

“Bahawa Allah mencintai seseorang yang apabila ia mengerjakan sesuatu kerja, ia laksanakan dengan cemerlang ”  
(Riwayat al-Baihaqi )

Hadis ini memberi penekanan bahawa sesuatu pekerjaan hendaklah dilakukan dengan penuh ketekunan. Pesanan ini perlu dijadikan pegangan dan penyuntik semangat supaya matlamat untuk melahirkan 'khaira ummah', yakni Ummah Terbilang dalam sebuah 'Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur' dapat direalisasikan.

Para hadirin yang saya hormati.

12. Seperti yang telah dimaklumkan oleh YBhg. Datuk KPPM sebentar tadi, Tahfiz Model Ulul Albab mengandungi elemen Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Saya yakin gabungan bersepadu ini akan dapat melahirkan sebanyak mungkin generasi ulul-albab, iaitu cendekiawan atau ilmuan yang mantap ilmunya dalam pelbagai bidang seperti sains dan teknologi serta mantap pula keimanan dan ketaqwaannya kepada Allah SWT. Golongan inilah nantinya akan tampil dengan semangat juang yang hebat bagi memacu kemajuan dan pembangunan negara.

13. Dalam konteks ini, cendekiawan Islam Ibn Khaldun telah menyebutkan bahawa penghayatan ilmu amat penting bagi melahirkan umat manusia yang mempunyai ciri-ciri ulul albab. Oleh itu, usaha berterusan secara intensif dan berstrategi perlu dilaksanakan tanpa mengabaikan unsur-unsur rohani dan jasmani yang telah digariskan oleh Islam.

14. Bagi mencapai hasrat ini, murid terpilih yang mengikuti pembelajaran Tahfiz Model Ulul Albab perlu bersungguh-sungguh dan mempunyai cita-cita besar untuk berjaya menghafaz Al-Quran 30 juzuk di samping mampu membina budaya saintifik al-Quran dengan pengupayaan ICT dalam diri setiap murid .

15. Selain itu, murid-murid juga perlu menguasai pelbagai bahasa utama dunia kerana ia akan mendedahkan individu kepada himpunan ilmu yang lebih luas dan akan membantu meningkatkan diri dalam pelbagai bidang.

Para hadirin yang saya hormati.

16. Seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, fokus utama adalah pendidikan berkualiti. Justeru, bagi meningkatkan kualiti guru, KPM akan menyediakan pelbagai latihan dan kursus untuk diberikan kepada semua guru mengikut bidang masing-masing termasuklah menyediakan tenaga pengajar yang kompeten dalam Pembelajaran Ulul Albab ini dengan mengambil kira Kemahiran Berfikir Aras Tinggi sejajar dengan inisiatif PPPM yang berhasrat untuk melahirkan murid yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah, berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi.

Para hadirin yang saya hormati.

17. Menjadi harapan saya dan para pemimpin yang lain untuk melihat setiap murid yang mengikuti pembelajaran Tahfiz Model Ulul Albab, bukan sahaja tahu membaca dan menghafal al-Quran, tetapi turut mengaplikasi dan membudayakan Al Quran dalam kehidupan seharian mereka.

18. Semoga generasi yang lahir daripada model pembelajaran ini akan menjadi generasi Ulul Albab yang bergelar jurutera al hafiz, doktor al hafiz dan profesional al hafiz. Insya'Allah,

19. Saya menyeru kepada semua ibubapa agar meningkatkan kerjasama dengan pihak sekolah. Peranan dan galakan ibubapa memberi impak yang sangat besar kepada kejayaan anak-anak. Sehubungan dengan itu, bagi memenuhi permintaan para ibubapa yang berminat dalam pembelajaran Tahfiz Model Ulul Albab, sukacita saya maklumkan bahawa kemasukan ke 11 buah SMKA yang melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab dibuka juga kepada murid-murid daripada sekolah di bawah kerajaan negeri dan swasta. Ini adalah bagi menyokong Dasar Pendidikan Negara "Pendidikan Untuk Semua".

20. Saya juga berharap suatu hari nanti Model Tahfiz Ulul Albab akan diperluas ke Institusi Pengajian Tinggi supaya kesinambungan generasi ulul albab tidak berakhir di peringkat sekolah menengah sahaja. Usaha berterusan ini bertujuan untuk melahirkan profesional al hafiz agar Malaysia menjadi contoh untuk negara-negara Islam di peringkat global selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia.

21. Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua warga Kementerian Pendidikan, termasuk semua guru dan warga pendidik yang bertugas di negeri Kedah ini. Saya juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada YAB Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Mahathir, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan semua tenaga penggerak yang telah berusaha keras menyumbang tenaga dan idea untuk bersama-sama menjayakan majlis yang amat bersejarah pada petang ini.

22. Saya berharap usaha untuk melonjakkan kecemerlangan pendidikan akan dilipatgandakan lagi agar kita dapat menyediakan pendidikan terbaik kepada anak-anak kita pada hari ini dan masa hadapan.

23. Dengan lafaz "bismillahhirahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan dan melancarkan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah mulai 2014. Semoga segala usaha diterima oleh Allah swt sebagai amal soleh dan segala perancangan kita dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian.

Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.  
Selamat Menyambut Ramadan al Mubarak.